

**Nama Kolum:** Perbendaharaan Rahsia Raja (15)

**Nama Pena:** Bonda Tun

**Tarikh:** 10/02/17

Bismillahirrahmanirrahim

Jikalau bulan lepas kita telah sedikit sebanyak mengupas peranan Menteri Tafwidhi, iaitu Menteri Berkuasa atau Wazir Mutlak, yang mana dalam sistem pemerintahan tradisional Melayu lebih dikenali sebagai jabatan Bendahara, maka kali ini kita akan mengupas pula suatu lagi jabatan yang tidak kurang penting dan relevan sebagai *'menolong dan menunggu pekerjaan yang berat, menguatkan dan mengaturkan pada pekerjaan kerajaan'* sepertimana yang ditafsirkan dalam kitab *Thamarat al-Muhimmah Diyafat li'l-Umara'I wal-Kubara'i li-Ahli-al-Mahkamah* karya Raja Ali Haji.

Jabatan yang dimaksudkan itu adalah Menteri Tanfiz. Berbeza dengan Menteri Tafwidhi yang diberi kuasa penuh oleh Khalifah atau Sultan@ Raja untuk menjalankan semua urusan pentadbiran negeri mengikut pertimbangan dan kebijaksanaannya sendiri serta melaksanakan menurut ijtihadnya sehingga menjadikannya sebagai orang kedua terpenting selepas Khalifah atau Sultan, tugas Menteri Tanfiz hanyalah sebagai MENTERI PELAKSANA, iaitu menjalankan apa jua perkara dan perintah yang diarahkan samada oleh Khalifah, Sultan ataupun Menteri Tafwidhi.

Wizarah al-Tanfiz berperanan sebagai orang perantara diantara khalifah dan rakyat. Kekuasaan yang dimiliki oleh Menteri Tanfiz hanyalah berkaitan pelaksanaan pentadbiran bukannya pada bidang kuasa memerintah. Bidang kuasanya merupakan alat bagi melaksanakan apa sahaja perintah dari Kepala Negara dan Menteri Tafwidhi samada berkaitan urusan dalam ataupun luar negara.

Untuk menjadi seorang Menteri Tanfiz, kelayakannya adalah sama seperti Menteri Tafwidhi kecuali syarat Islam, merdeka, pengetahuan Ilmu Syarak, serta pengetahuan mengenai soal-soal peperangan dan cukai. Bermakna seorang bukan Islam boleh dilantik sebagai Menteri Tanfiz. Selain itu Menteri Tanfiz tidak memerlukan aqad dan bai'at kerana terlaksana hanya dengan keizinan dari Khalifah ataupun Raja.

Di dalam sistem kesultanan Melayu Melaka, jabatan Menteri Tafwidhi dan Menteri Tanfiz disebut sebagai pembesar kesultanan yang mana Bendahara adalah Menteri Tafwidhi sementara pembesar yang lain adalah Menteri-menteri Tanfiz atau Menteri-menteri Pelaksana.

Kesultanan Melayu Melaka menggunakan apa yang disebut sebagai Sistem Pembesar Empat Lipatan iaitu Pembesar Berempat, Pembesar Berlapan, Pembesar Enam Belas dan Pembesar Tiga Puluh Dua. Terpenting adalah Pembesar Berempat iaitu

Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Laksamana. Tugas-tugas para pembesar Melaka yang utama adalah seperti berikut:

- i. Bendahara - Penasihat dan pemangku sultan, menteri utama, ketua turus angkatan perang dan ketua hakim.
- ii. Penghulu Bendahari - Pemungut hasil atau ufti, ketua segala bendahari, ketua urusetia istana dan ketua segala syahbandar.
- iii. Temenggung - Ketua polis dan penjara, penguasa bandar dan Kota Melaka, ketua protokol istana dan hakim di darat.
- iv. Laksamana - Ketua angkatan laut, ketua duta, pengawal peribadi sultan dan utusan rasmi kerajaan.
- v. Syahbandar - Menguruskan pasar dan gudang, memeriksa alat timbang, sukat, dan mata wang, menjadi hakim di pelabuhan, menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal, menguruskan cukai, menjaga kebajikan serta keselamatan pedagang.

Tersebut di dalam kitab *Nasihah al-Muluk* (Nasihah kepada Raja-raja) karangan Imam al-Ghazali dalam bab “*Menyatakan segala siasat segala menteri dan kelakuan segala menteri*”, beliau menyatakan:

*“Ketahui olehmu bahawasanya raja itu baik disebut akan dia dan tinggi kemuliaannya itu sebab menterinya. Dan adalah ia itu solih lagi mudah ia pekerjaan, lagi adil, kerana bahawasanya tiada boleh bagi seorang daripada segala raja itu bahawa melalukan ia akan masanya itu dan memerintah akan kerajaannya dengan tiada menteri. Dan barangsiapa seorangnya ia pada bicara pekerjaan sesat ia dengan tiada syak. Tiadakah engkau lihat bahawasanya Nabi ﷺ serta nyata kemuliaannya dan nyata besar pangkat darjatnya dan fasihatnya disuruhkan Allah Taala dengan mesyuarat pada segala sahabatnya yang berakal lagi alim.”*

Bermakna pemerintahan seorang raja sebagai *zilullah fil ardh* (bayangan Allah di mukabumi ini), sebagai khalifah Allah dan khalifah Rasulullah ﷺ, hanya akan berhasil dengan baik jika ia sentiasa BERMESYUARAT dan BERMUAFAKAT dengan jemaah menterinya. Nasihat seperti ini juga ditekankan dalam sebuah wasiat Raja Melaka seperti yang disebutkan di dalam kitab *Sulalatus Salatin* karya Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad@ Tun Seri Lanang. Wasiat Sultan Mahmud Shah I (1488-1511M) itu adalah seperti berikut :

*“Adapun barang tahu Bendahara dan segala Orang Kaya-Kaya, bahawa dunia ini akan lepaslah dari genggamannya kita, melainkan semata-mata akhirat yang kita hadapi. Adapun anakku Sultan Muda ini, dahulu Allah SWT, kemudian Rasul Allah, setelah itu kepada Bendahara dan Orang-Orang Kaya sekalian pertaruh kita, daripada memelihara dan mengajar, menegur dia, kerana dia budak penuh dengan khilaf dan bebalnya. Lagi ia piatu. Telah yakinlah kita akan pelihara Bendahara dan Orang Kaya-Kaya sekalian akan dia.”*

“Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar sembah Bendahara dan segala Orang Besar-besar itu, maka terlalu sukacita baginda, seraya meraih leher paduka anaknda

baginda, dipeluk cium baginda, seraya bertitah: “ *Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, engkau kerajaan, sangat sabarmu, dan barang suatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekelian menteri hulubalangmu; sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala tenteramu...*”

*Wallahu ‘alam bissawab*